

KESEDIAAN GURU SEKOLAH MENENGAH MENGAMALKAN
PENGAJARAN ABAD KE-21

MOHD FAHMI BIN MOHD YUSOF

Laporan projek sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada
syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal
(Reka Bentuk Instruksional Dan Teknologi)

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JANUARI 2016

DEDIKASI

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PENGASIH DAN MAHA
PENYAYANG

Teristimewa untuk ayah yang dikasihi, En. Mohd Yusof Bin Sermaet dan ibu yang disayangi, Pn. Mursilah Binti Rosdi. Kasih sayang dan doa restu ayahanda dan bonda menjadi sumber kekuatan dan inspirasi dalam menjalani perjuangan ini.

Khas untuk...

Isteri tercinta, Puan Ros Adlina Binti Kamaruddin, terima kasih tidak terhingga.

Buat semua ahli keluarga, rakan-rakan dan para pensyarah yang sentiasa memberi dorongan, sokongan dan bantuan, jasa kalian akan sentiasa dalam ingatan.

Semoga kita sentiasa berada dalam rahmat dan keredaan-Nya.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapat saya menyempurnakan projek sarjana ini dengan jayanya. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan projek ini.

Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia Projek Sarjana ini iaitu Profesor Madya Haji Sapon Bin Ibrahim di atas segala bimbingan, nasihat, dorongan dan tunjuk ajar yang dicurahkan amat berguna dan dihargai.

Tidak dilupakan, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih buat isteri tercinta, Puan Ros Adlina Binti Kamaruddin kerana sentiasa bersabar dan memberi sokongan tidak berbelah bahagi sepanjang saya menyiapkan projek ini.

Kepada rakan-rakan seperjuangan yang selama ini banyak membantu dan memberi tunjuk ajar serta dorongan dalam menyiapkan projek ini, terima kasih atas segala-galanya.

ABSTRAK

Pendidikan pada Abad ke-21 menuntut setiap guru dan pelajar menguasai pelbagai bidang ilmu untuk bersaing dengan ledakan teknologi dan cabaran dalam era globalisasi. Walaupun proses pengajaran dan pembelajaran merupakan proses hakiki bagi seorang guru, namun cabaran di dalam abad ke-21 tidak boleh dipandang sepi. Ledakan teknologi maklumat di dalam bidang pendidikan memerlukan guru-guru turut sama menguasainya sama ada dengan rela atau terpaksa. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesediaan guru mengamalkan Pengajaran Abad Ke-21 di SMK Dato' Sri Amar Diraja, Muar dari aspek literasi, kemahiran dan sikap. Selanjutnya, mengenal pasti perbezaan kesediaan guru mengamalkan Pengajaran Abad Ke-21 berdasarkan jantina dan bidang mata pelajaran. Kajian ini melibatkan 70 orang guru yang mengajar di sekolah ini. Sebanyak 4 bidang mata pelajaran yang terlibat dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan soal selidik berskala Likert lima mata sebagai instrumen kajian. Instrumen ini mengandungi 2 item berkaitan demografi dan 54 item berdasarkan literasi, kemahiran dan sikap. Kajian rintis yang melibatkan 10 orang guru dilaksanakan bagi menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian. Data dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Packages of Social Sciences 16.0* untuk mendapatkan peratusan, min dan sisihan piawai bagi kesediaan guru mengamalkan Pengajaran Abad Ke-21. Ujian-t sampel tidak bersandar pula menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan kesediaan guru berdasarkan jantina. Ujian ANOVA sehala pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan kesediaan guru berdasarkan bidang mata pelajaran.

ABSTRACT

Education in the 21st Century requires every teacher and student works in various fields of knowledge to keep up with the demand of technology and the challenges of globalization. Although the process of teaching and learning is an essential process for a teacher, but challenges in the 21st century can not be ignored. Improved information technology in education requires teachers to master equally. This study aims to identify the readiness of teachers in SMK Dato Sri Amar Diraja, Muar to practice teaching in the 21st Century. Furthermore, identifying differences in the willingness of teachers to practice teaching 21st Century by gender and subject areas. The study involved 70 teachers in the school. A total of four subject areas involved in the study. This study used a questionnaire five point Likert scale as an instrument. The instrument consists of two related demographic items and 54 items based on literacy, skills and attitudes. A pilot study involving 10 teachers carried out to determine the validity and reliability of the instrument. Data were analyzed using Statistical Package for Social Sciences Packages of 16.0 to get the percentage, mean and standard deviation for the willingness of teachers to practice teaching in the 21st Century. T-test independent samples showed that there was no significant difference in the willingness of teachers by gender. One-way ANOVA test showed no significant difference in the willingness of teachers by subject area.

KANDUNGAN

	TAJUK	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN/ISTILAH	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1	Pengenalan	1
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Penyataan Masalah	6
	1.4 Tujuan Kajian	6
	1.5 Objektif Kajian	7
	1.6 Soalan Kajian	7
	1.7 Kepentingan Kajian	8
	1.8 Kerangka Konsep Kajian	8
	1.9 Hipotesis Kajian	9
	1.10 Skop Kajian	9

1.11	Batasan Kajian	10
1.12	Definisi Istilah Dan Operasi	10
1.12.1	Kesediaan	10
1.12.2	Pengajaran	11
1.12.3	Abad Ke-21	11
1.13	Rumusan	11
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	12
2.1	Pendahuluan	12
2.2	Pengajaran Abad Ke-21	12
2.2.1	Kemahiran Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Kemahiran Abad Ke-21	13
2.2.2	Elemen-Elemen Dalam Kemahiran Abad Ke- 21	13
2.2.3	Ciri-Ciri Guru Abad Ke-21	13
2.2.4	Ciri-Ciri Murid Abad Ke-21	14
2.3	Kesediaan	15
2.3.1	Teori Kesediaan Thorndike	15
2.3.1.1	Kesediaan Kognitif (Literasi)	16
2.3.1.2	Kesediaan Psikomotor (Kemahiran)	16
2.3.1.3	Kesediaan Afektif (Sikap)	17
2.3.2	Kesediaan Guru	17
2.3.2.1	Menentukan Objektif Pengajaran Dan Pembelajaran	18
2.3.2.2	Menyediakan Rancangan Mengajar	19
2.3.2.3	Pengetahuan, Kemahiran Dan Kecekapan Bidang	20
2.3.2.4	Kepelbagaian Kaedah Mengajar	21
2.3.2.5	Keceriaan, Interaksi Dan Penglibatan Murid	21

	2.3.2.6	Motivasi, Minat Dan Mencungkil Sikap Ingin Tahu	22
	2.3.2.7	Kejelasan Penyampaian Dan Penghuraian Isi Pelajaran	23
	2.3.2.8	Ujian Dan Penilaian	24
	2.3.2.9	Tindakan Susulan Melalui Pengayaan Dan Pemulihan	24
	2.3.2.10	Pengurusan Bilik Darjah	25
2.4		Efikasi	25
2.5		Keperluan Pengajaran Abad Ke-21	26
2.6		Kajian-Kajian Lepas	27
	2.6.1	Kajian “Pembangunan dan Penilaian Bahan Pengajaran (PdP) Berasaskan Web-WebQuest bagi Mata Pelajaran ICT”	27
	2.6.2	Kajian “Keberkesanan Penggunaan Pelbagai Media Pengajaran dalam Meningkatkan Kemahiran Proses Sains dalam Kalangan Pelajar”	28
	2.6.3	Kajian “Penggunaan ICT dalam Pengajaran Bahasa Arab”	29
	2.6.4	Kajian “Kreativiti Pengajaran Guru Sekolah Rendah di Malaysia”	30
	2.6.5	Kajian “Corak Aliran Penyoalan Lisan Guru dalam Proses Pengajaran bagi Tajuk Elektrokimia”	30
2.7		Rumusan	31
BAB 3		METODOLOGI KAJIAN	32
3.1		Pendahuluan	32
3.2		Reka Bentuk Kajian	32

3.3	Kerangka Operasi	33
3.4	Populasi Dan Sampel	34
3.5	Instrumen Kajian	34
3.5.1	Soal Selidik	34
3.5.2	Kesahan Instrumen	36
3.5.3	Kebolehpercayaan Instrumen	36
3.5.4	Kajian Rintis	36
3.5.4.1	Laporan Kajian Rintis	37
3.6	Prosedur Kajian	37
3.7	Kaedah Analisis Data	38
3.8	Rumusan	42
BAB 4	ANALISIS DATA	42
4.1	Pengenalan	42
4.2	Analisis Deskriptif	42
4.3	Analisis Kesediaan Guru Mengamalkan Pengajaran Abad Ke-21	43
4.4	Mengenal Pasti Kesediaan Guru Mengamalkan Pengajaran Abad Ke-21 Dari Aspek Literasi	44
4.5	Mengenal Pasti Kesediaan Guru Mengamalkan Pengajaran Abad Ke-21 Dari Aspek Kemahiran	44
4.6	Mengenal Pasti Kesediaan Guru Mengamalkan Pengajaran Abad Ke-21 Dari Aspek Sikap	45
4.7	Analisis Inferensi	45
4.8	Mengenal Pasti Perbezaan Kesediaan Guru Mengamalkan Pengajaran Abad Ke-21 Berdasarkan Jantina	46
4.9	Mengenal Pasti Perbezaan Kesediaan Guru Mengamalkan Pengajaran Abad Ke-21 Berdasarkan Bidang Mata Pelajaran	48

4.10	Rumusan	49
BAB 5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	50
5.1	Pengenalan	50
5.2	Perbincangan	50
5.2.1	Latar Belakang Responden	51
5.2.2	Kesediaan Dari Aspek Literasi	51
5.2.3	Kesediaan Dari Aspek Kemahiran	54
5.2.4	Kesediaan Dari Aspek Sikap	56
5.2.5	Perbezaan Kesediaan Guru Mengamalkan Pengajaran Abad Ke-21 Berdasarkan Jantina.	59
5.2.6	Perbezaan Kesediaan Guru Mengamalkan Pengajaran Abad Ke-21 Berdasarkan Bidang.	61
5.3	Kesimpulan	63
5.4	Cadangan	64
5.4.1	Cadangan Untuk Guru	64
5.4.2	Cadangan Untuk Pihak Pengurusan	64
5.4.3	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	65
5.5	Rumusan	65
	RUJUKAN	67
	LAMPIRAN	75

SENARAI JADUAL

3.1	Pembahagian Item Soal Selidik Dalam Borang Soal Selidik.	35
3.2	Pembahagian Dimensi Dalam Setiap Konstruk Borang Soal Selidik.	35
3.3	Skala Likert Bahagian B, C dan D.	36
3.4	Pengiraan Nilai Julat	38
3.5	Pengkelasan Nilai Julat	38
3.6	Kaedah analisis data menggunakan SPSS.	40
4.1	Taburan Bilangan Dan Kekerapan Responden Mengikut Jantina.	43
4.2	Bilangan Responden Mengikut Subjek Mata Pelajaran.	43
4.3	Nilai Purata Dan Sisihan Piawai Mengikut Aspek.	44
4.4	Nilai Min Purata Dan Sisihan Piawai Aspek Literasi.	44
4.5	Nilai Min Purata Dan Sisihan Piawai Aspek Kemahiran.	45
4.6	Nilai Min Purata Dan Sisihan Piawai Aspek Sikap.	45
4.7	Nilai Perbezaan Kesediaan Guru Mengamalkan Pengajaran Abad Ke-21 Berdasarkan Jantina.	46
4.8	Nilai Perbezaan Kesediaan Guru Mengamalkan Pengajaran Abad Ke-21 Berdasarkan Jantina Dalam Aspek Literasi.	46
4.9	Nilai Perbezaan Kesediaan Guru Mengamalkan Pengajaran Abad Ke-21 Berdasarkan Jantina Dalam Aspek Kemahiran.	47
4.10	Nilai Perbezaan Kesediaan Guru Mengamalkan Pengajaran Abad Ke-21 Berdasarkan Jantina Dalam Aspek Sikap.	47
4.11	Kesediaan Guru Mengamalkan Pengajaran Abad Ke-21 Berdasarkan Bidang Mata Pelajaran	48

SENARAI RAJAH

1.1	Kerangka Konsep	9
3.1	Kerangka Operasi	33

SENARAI SINGKATAN/ISTILAH

ICT	Information Communication Technology
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KPI	Indeks Prestasi Utama
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPS	Kemahiran Proses Sains
LCD	Liquid Crystal Display
NKRA	Bidang Keberhasilan Utama Negara
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PMP	Pelbagai Media Pengajaran
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PSH	Pembelajaran Sepanjang Hayat
PTV	Pendidikan Teknikal dan Vokasional
SEDAR	SMK Dato' Sri Amar Diraja
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UTHM	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
VLE	Virtual Learning Environment

SENARAI LAMPIRAN

A	Jadual Pemilihan Saiz Sampel (Krejcie dan Morgan 1970)	75
B	Soal Selidik	77
C	Borang Semakan Soal Selidik	78
D	Keputusan Analisis Data	79
E	Surat Kebenaran	84

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bidang pendidikan merupakan salah satu bidang utama di dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Indeks Prestasi Utama (KPI) untuk bidang pendidikan ialah meluaskan capaian pendidikan berkualiti dan berkemampuan. Selari dengan itu, pendidikan pada Abad Ke-21 menuntut setiap guru dan pelajar menguasai pelbagai bidang ilmu untuk bersaing dengan cabaran era globalisasi. Apabila setiap guru dan pelajar dapat menguasainya, barulah tercapai KPI untuk bidang pendidikan di dalam NKRA. Walaupun proses pengajaran dan pembelajaran merupakan proses hakiki bagi seorang guru, namun cabaran di dalam abad ke-21 tidak boleh dipandang sepi. Ledakan teknologi maklumat di dalam bidang pendidikan memerlukan guru-guru turut sama menguasainya sama ada dengan rela atau terpaksa.

Satu dari perkara terpenting di dalam pembangunan sesebuah negara ialah modal insan yang berkualiti. Pembangunan modal insan mestilah dirancang dengan teliti bagi memaksimumkan keupayaan generasi muda bagi menyambung legasi untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju pada masa akan datang. Sehubungan dengan itu, bidang pendidikan haruslah berupaya untuk menjadikan misi ini sebagai suatu realiti dan bukan hanya sekadar angan-angan sahaja (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012).

Oleh yang demikian, bab ini akan membincangkan dengan lebih terperinci latar belakang masalah dan diikuti dengan kupasan permasalahan kajian. Perbincangan ini akan diikuti dengan objektif, persoalan dan hipotesis kajian. Seterusnya, bab ini turut membincangkan kepentingan kajian diikuti dengan skop kajian dan penerangan tentang definisi operasi yang akan digunakan dalam kajian.

1.2 Latar Belakang Masalah

Pada Oktober 2011, Kementerian Pendidikan telah melancarkan kajian semula sistem pendidikan negara secara menyeluruh dalam usaha membangunkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang baharu. Keputusan melaksanakan kajian semula sistem pendidikan dibuat dalam konteks standard pendidikan antarabangsa yang kian meningkat, peningkatan aspirasi negara dalam mempersiapkan generasi muda untuk menghadapi keperluan Abad Ke-21, dan peningkatan harapan ibu bapa serta masyarakat terhadap dasar pendidikan negara. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 ini telah digubal bagi memastikan keberkesanan dan kelestarian transformasi sistem pendidikan. Oleh yang demikian, setiap pihak seperti pemimpin sekolah, guru-guru, staf sokongan dan para pelajar yang terlibat mesti memahami peranan penting yang mereka mainkan serta manfaat yang akan mereka kecapai dan di SMK Dato' Sri Amar Diraja, Muar (SEDAR), pihak pentadbir bersama-sama para guru, staf sokongan dan pelajar telah mentransformasikan kelas-kelas di sini menggunakan susun atur kelas Abad Ke-21. Semasa dunia Abad Ke-21 sedang gah menikmati kemajuan sektor teknologi maklumat dan komunikasi, bidang pendidikan sentiasa menjadi barisan hadapan untuk mempertahankan minda para pelajar dari dicemari unsur-unsur negatif (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Menurut Ahmad (2013), antara faktor yang menyebabkan pelajar ponteng ialah suasana kelas yang tidak kondusif dan sesi pembelajaran yang membosankan. Ini disokong oleh kajian Khairy (2014) yang mendapati masalah disiplin pelajar sangat dipengaruhi oleh persekitaran sekolah dan pengaruh rakan sebaya.

Kementerian Pendidikan menekankan bahawa fokus pada tahun 2013 dan tahun-tahun awal transformasi pendidikan adalah meletakkan batu asas yang kukuh dan melaksanakan program yang dapat mengubah sistem pendidikan negara. Usaha-usaha telah difokuskan dalam mempertingkatkan tahap literasi dan numerasi murid, kualiti guru, dan kepimpinan sekolah serta mengupayakan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) untuk memberikan lebih banyak sokongan kepada sekolah. Kementerian telah melihat impak positif pelaksanaan inisiatif PPPM terhadap keberhasilan murid dalam tahun pertama pelaksanaannya. Sebagai contoh, sebanyak 99% murid Tahun 3 telah menguasai literasi dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia dan numerasi. Di bawah Program Transformasi Daerah di negeri-negeri rintis di Kedah dan Sabah, guru-guru dan pemimpin-pemimpin sekolah melalui sokongan padu daripada JPN dan PPD telah berjaya menghasilkan peningkatan tertinggi dalam peperiksaan awam berbanding dengan negeri-negeri lain (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Namun, kajian yang dilakukan oleh Sahrom (2014) mendapati tahap numerasi dan literasi pelajar sekolah rendah masih di tahap sederhana melalui kajiannya di sekolah luar bandar di Perak.

Mantan Ketua Setiausaha di Kementerian Pendidikan Malaysia menyatakan bahawa, modal insan merupakan satu elemen penting yang menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan negara. Modal insan yang berkualiti akan memberi nilai tambah yang diperlukan oleh sesebuah negara yang sedang membangun bagi meningkatkan produktiviti yang dapat menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara. Sesungguhnya usaha ke arah penjanaaan modal insan yang berkualiti mencakupi bidang pendidikan. Kepesatan pembangunan negara sememangnya memerlukan modal insan yang berilmu dan berkemahiran dalam melaksanakan tanggungjawab pembangunan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Ini menunjukkan bahawa, penerapan nilai-nilai murni perlulah seiring dalam melaksanakan Pengajaran Abad Ke-21. Ini disokong oleh Hatta (2013) yang mendapati, penerapan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar mempengaruhi personaliti dan sahsiah pelajar untuk mengelakkan masalah disiplin. Majikan kini

juga mementingkan nilai-nilai murni dalam diri setiap bakal pekerjanya untuk menghasilkan produk yang berkualiti (Abu, 2013).

Dalam Anjakan Kelima Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, kriteria pemilihan pentadbir sekolah, pengetua atau guru besar, bukan lagi berasaskan tempoh perkhidmatan tetapi berfokuskan kecekapan kepimpinan. Hal ini kerana, beberapa kajian antarabangsa tentang kepemimpinan sekolah menunjukkan bahawa pengetua atau guru besar yang cemerlang, iaitu yang memberi tumpuan kepada kepemimpinan instruksional dan bukannya kepemimpinan pentadbiran, dapat meningkatkan keberhasilan murid sebanyak 20 peratus (Utusan Online, 2014). Hal yang demikian disokong oleh satu kajian tinjauan oleh Jalil (2012) yang mendapati, sikap pentadbir yang negatif iaitu menghalang guru untuk melakukan pembaharuan menyebabkan motivasi guru merudum. Amin (2012) turut menyatakan bahawa motivasi guru sangat mempengaruhi prestasi pelajar dalam pembelajaran.

Satu surat pekeliling ikhtisas bertajuk “Dasar Penggunaan Media Dan Teknologi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran” telah dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia kepada semua Pengarah Pendidikan Negeri pada 26 Julai 2013. Surat ini antara lain menyatakan bahawa Kementerian Pendidikan telah membekalkan sekolah-sekolah dengan pelbagai jenis teknologi (perkakasan dan perisian) dengan tujuan untuk meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Bagi memastikan keberkesanannya, Kementerian Pendidikan telah memberi latihan kepada guru-guru melalui latihan pra-perkhidmatan dan latihan dalam perkhidmatan. Dasar Kementerian Pendidikan juga menyatakan bahawa setiap peralatan yang dibekalkan mestilah digunakan dengan maksimum (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6, 2013). Kementerian Pendidikan dengan sedaya upaya telah menyediakan segala kelengkapan yang diperlukan untuk menjayakan Pengajaran Abad Ke-21 ini. Setiap aspek telah diteliti, bermula dari peringkat penggubal dasar sehingga kepada peringkat latihan guru-guru dan pembekalan peralatan. SEDAR dalam pada itu telah menerima pelbagai kelengkapan seperti 40 unit “chromebook” dan 6 unit “dongle” yang dibekalkan oleh syarikat YTL. Selain itu, segala kelengkapan projektor LCD di sediakan di setiap makmal.

Kursus “iThink” dan “frog VLE” juga diberikan kepada setiap pelajar dan guru bagi memastikan kesediaan mereka berada pada tahap optimum. Namun melalui kajian yang dilakukan oleh Puteh & Abd Salam (2011) mendapati tiada perbezaan dalam hasil pembelajaran dan tingkah laku murid yang menggunakan ICT dengan mereka yang tidak menggunakan ICT.

Dapatan di dalam model kepemimpinan pengajaran pengetua dan kompetensi pengajaran guru mengesahkan tiga dimensi kompetensi pengajaran guru yang dicadangkan mesti dikuasai iaitu kemahiran interaksi dengan murid, strategi pengajaran dan kemampuan mengawal kelas (Ibrahim & Amin, 2014). Kemampuan guru mengawal kelas dengan baik akan membenarkan guru menggunakan teknik penyualan di awal pengajaran bagi mencetuskan pemikiran pelajar berkaitan apa yang akan dipelajari. Memandangkan pelajar belum mempelajari konsep yang akan diajar dan beliau yakin bahawa pelajar tidak dapat menjawabnya, maka guru menggunakan soalan pencetus untuk memberi penerangan. Manakala, soalan pencetus semasa penerangan di akhir pengajaran diamalkan sebagai rumusan pengajaran memandangkan peruntukan masa yang sedikit. Guru percaya bahawa soalan pencetus yang diutarakan bertujuan untuk membuka minda pelajar agar berfikir dengan lebih kritis (Iksan & Daniel, 2012).

Semasa proses menjalankan Pengajaran Abad Ke-21 ini, pengkaji melihat beberapa perkara yang perlu dibuat penilaian berkenaan kesediaan guru di SMK Dato' Sri Amar Diraja, Muar melaksanakan Pengajaran Abad Ke-21 melalui literasi, kemahiran dan sikap, perbezaan berdasarkan jantina dan bidang mata pelajaran. Melalui persoalan yang muncul ini, pengkaji terdorong untuk mendapatkan maklumat, bagaimanakah kesediaan guru melalui kajian ini kerana menurut Mohd Hamzah & Attan, (2007) melalui kajiannya mendapati tahap kesediaan guru dalam penggunaan teknologi bagi pengajaran dan pembelajaran sains adalah pada tahap sederhana. Namun, tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap jantina guru dan kumpulan perkhidmatan (bidang) dari segi tahap kesediaan penggunaan teknologi maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran sains.

1.3 Penyataan Masalah

Bilangan pelajar di SMK Dato' Sri Amar Diraja pada setiap tahun adalah sekitar 1200-1400 orang. Ini menunjukkan sekolah ini merupakan sebuah sekolah tumpuan di Muar kerana memiliki bilangan pelajar yang ramai. Dengan pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21 di sekolah ini, kesediaan guru adalah sangat penting bagi pelajar setiap pelajar ini merupakan generasi yang bakal memacu negara untuk menjadi negara maju. Penguasaan dan pengaplikasian Pengajaran Abad Ke-21 di dalam diri para guru dapat meningkatkan potensi dan jati diri guru tersebut. Ini secara tidak langsung akan memberi impak positif kepada pencapaian akademik dan sahsiah pelajar. Merujuk kepada latar belakang masalah yang telah dibincangkan sebelum ini, didapati bahawa kesediaan seseorang guru itu akan dapat mempengaruhinya dalam melaksanakan Pengajaran Abad Ke-21 di sekolah. Jika seseorang guru itu tidak bersedia untuk melaksanakan sistem Pengajaran Abad Ke-21 ini, para pelajar akan mendapat tempiasnya. Generasi pelajar pada masa kini mahukan lebih dari sekadar menyalin dan menghafal nota-nota yang diberikan oleh guru mereka. Memandangkan sistem Pengajaran Abad Ke-21 telah dijalankan di SMK Dato' Sri Amar Diraja, Muar (SEDAR), pengkaji ingin mendapatkan jawapan sebenar melalui kajian bagaimana kesediaan guru di sekolah ini mengamalkan Pengajaran Abad Ke-21 sebagai panduan kepada pihak pentadbir dan sekolah-sekolah yang lain.

1.4 Tujuan Kajian

Pihak sekolah sedang giat menyediakan aspek-aspek yang terdapat di dalam pembelajaran Abad Ke-21. Persiapan ini telah dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan usaha ini dibantu oleh guru-guru dan staf sekolah. Di sebalik kehairahan melakukan persiapan, pengkaji ingin mengetahui kesediaan sebenar guru-guru di SMK Dato' Sri Amar Diraja, Muar dalam melaksanakan Pengajaran Abad Ke-21 ini. Terlebih dahulu, pengkaji membuat penilaian berkenaan

pengetahuan sedia ada guru-guru dalam melaksanakan Pengajaran Abad Ke-21 serta beberapa perkara berkaitan yang boleh dibuat perbandingan dalam mengetahui kesediaan seperti bidang mata pelajaran dan jantung. Penilaian yang dijalankan ini diharapkan dapat memberi sedikit garis panduan dan refleksi kepada pihak sekolah dalam melaksanakan Pengajaran Abad Ke-21 sekaligus dapat meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru-guru di sekolah dan menarik minat pelajar dalam apa jua mata pelajaran.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah, untuk:

- i. Menenal pasti kesediaan guru mengamalkan Pengajaran Abad Ke-21 dari aspek literasi.
- ii. Menenal pasti kesediaan guru mengamalkan Pengajaran Abad Ke-21 dari aspek kemahiran.
- iii. Menenal pasti kesediaan guru mengamalkan Pengajaran Abad Ke-21 dari aspek sikap.
- iv. Menenal pasti perbezaan kesediaan guru mengamalkan Pengajaran Abad Ke-21 berdasarkan jantung.
- v. Menenal pasti perbezaan kesediaan guru mengamalkan Pengajaran Abad Ke-21 berdasarkan bidang mata pelajaran.

1.6 Soalan Kajian

Persoalan kajian yang ingin dijawab oleh penyelidik adalah seperti berikut:

- i. Apakah kesediaan guru mengamalkan Pengajaran Abad Ke-21 dari aspek literasi?
- ii. Apakah kesediaan guru mengamalkan Pengajaran Abad Ke-21 dari aspek kemahiran?

- iii. Apakah kesediaan guru mengamalkan Pengajaran Abad Ke-21 dari aspek sikap?
- iv. Apakah terdapat perbezaan yang signifikan kesediaan guru mengamalkan Pengajaran Abad Ke-21 berdasarkan jantina?
- v. Apakah terdapat perbezaan yang signifikan kesediaan guru mengamalkan Pengajaran Abad Ke-21 berdasarkan bidang mata pelajaran?

1.7 Kepentingan Kajian

Merujuk kepada pernyataan masalah, tujuan kajian dan persoalan kajian yang telah dibincangkan sebelum ini, maka pengkaji menggariskan kepentingan kajian ini kepada beberapa perkara iaitu:

- i. Guru di SMK Dato' Sri Amar Diraja, Muar dalam mengenal pasti kesediaan guru mengamalkan Pengajaran Abad Ke-21.
- ii. Pihak pentadbir di SMK Dato' Sri amar Diraja, Muar dalam mengenal pasti kesediaan guru mengamalkan Pengajaran Abad Ke-21.

Kajian ini di jangka secara tidak langsung akan dapat membekalkan maklumat kepada pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berkenaan keadaan sebenar kesediaan para guru dalam mengamalkan Pengajaran Abad Ke-21.

1.8 Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konsep kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu input, proses dan output. Input ialah Pengajaran Abad Ke-21. Proses pula melibatkan aspek kesediaan para guru dan output ialah kesediaan para guru untuk mengamalkan pembelajaran Abad Ke-21. Kerangka ini diadaptasi dan diubahsuai daripada kajian Amin, (2013) mengikut keperluan yang dikaji.



Rajah 1.1: Kerangka Konsep

1.9 Hipotesis Kajian.

Pengkaji mengemukakan 2 hipotesis null, H_0 berdasarkan persoalan yang dinyatakan dalam kajian ini iaitu:

- $H_{0(iv)}$: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kesediaan guru mengamalkan Pengajaran Abad Ke-21 berdasarkan jantina.
- $H_{0(v)}$: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kesediaan guru mengamalkan Pengajaran Abad Ke-21 berdasarkan bidang mata pelajaran.

1.10 Skop Kajian

Skop kajian ini dijalankan ialah di sebuah sekolah rintis Pengajaran Abad Ke-21 di Muar iaitu SMK Dato' Sri Amar Diraja, Muar. Ini adalah disebabkan, sekolah ini berstatus Sekolah Bestari di mana, pelbagai kemudahan teknologi maklumat telah

disediakan. Selain itu, “Frog VLE” juga merupakan salah satu medium pengajaran di sekolah ini. Oleh itu, pemilihan sekolah ini adalah sangat bertepatan dengan statusnya. Sampel kajian ini hanya melibatkan guru-guru aliran perdana dan maklum-balas yang diterima hanya melalui borang soal selidik sahaja dan dibatasi dengan item-item yang disediakan.

1.11 Batasan Kajian

Pengkaji menjangkakan beberapa kekangan akan membatasi kajian ini. Kekangan-kekangan yang dimaksudkan ialah seperti kesukaran memperoleh kebenaran menjalankan kajian dari pihak pentadbir sekolah, guru-guru tidak memulangkan semula borang soal selidik dan tidak mendapat kerjasama yang baik dari guru-guru untuk mendapatkan maklumat.

1.12 Definisi Istilah Dan Operasi

Terdapat beberapa perkataan utama yang banyak digunakan di dalam kajian ini dan perkataan-perkataan tersebut akan dijelaskan di dalam penulisan definisi istilah dan operasi.

1.12.1 Kesediaan

Menurut Puteh & Abd Salam (2011), kesediaan merupakan kata adjektif ataupun kata sifat yang menggambarkan telah ada, siap, lengkap, dapat, berkebolehan, kesanggupan, kerelaan, kesudian, kemampuan, keredaan, kemahuan dan keinginan.

Dalam kajian ini, kesediaan yang dimaksudkan ialah kesanggupan dan kemampuan guru-guru mengamalkan Pengajaran Abad Ke-21 di SMK Dato’ Sri Amar Diraja, Muar.

1.12.2 Pengajaran

Pengajaran bermaksud perihal mengajar, segala sesuatu yang berkaitan dengan mengajar seperti caranya dan sistemnya (Jalil, 2012). Kajian ini menumpukan maksud pengajaran sebagai proses Pengajaran Abad Ke-21.

1.12.3 Abad Ke-21

Abad ialah masa seratus tahun (Sahrom, 2014). Abad Ke-21 di dalam kajian ini merujuk kepada tahun 2001 hingga 2100. Di dalam kajian ini, Abad Ke-21 yang ditekankan ialah kaedah pembelajaran di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

1.13 Rumusan.

Bidang pendidikan merupakan salah satu pelaburan terpenting dalam sesebuah negara. Tenaga pengajar merupakan tunjang bagi merealisasikan visi dan misi negara. Oleh itu, kesediaan para guru adalah sangat kritikal dan perlu di pandang serius. Secara keseluruhannya, bab ini telah menerangkan mengenai latar belakang masalah, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, kerangka konsep kajian, hipotesis kajian, skop kajian dan batasan kajian. Di samping itu, definisi istilah dan operasi turut dihuraikan bagi memudahkan pembaca untuk memahami tujuan kajian ini dijalankan.

Bab 2 pula akan mencatatkan hasil pembacaan yang berkaitan dengan tajuk yang dikaji oleh pengkaji.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji akan menerangkan dengan lebih terperinci tentang konsep dan teori yang berkaitan dengan kesediaan guru dan pelaksanaan pengajaran Abad Ke-21. Selain itu, pengkaji akan melihat kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kesediaan guru-guru dan pelaksanaan Pengajaran Abad Ke-21 serta perkaitannya.

2.2 Pengajaran Abad Ke-21

Abad Ke-21 merupakan era globalisasi yang menuntut negara kita untuk bersaing dengan negara maju dalam usaha untuk mencapai kemajuan. Bidang pendidikan merupakan bidang yang banyak mengalami reformasi bagi mengimbangi hasrat Malaysia mencapai status negara maju tahun 2020 (Buku Dasar Pendidikan Kebangsaan, 2012).

Menurut Bahagian Pengurusan Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia, beberapa kemahiran Abad Ke-21 telah digariskan seperti berikut:

2.2.1 Kemahiran Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Kemahiran Abad Ke-21

Terdapat 3 kemahiran utama yang diperlukan bagi menguasai pengajaran dan pembelajaran Abad Ke-21 iaitu kemahiran pembelajaran dan inovasi, kemahiran maklumat, media dan teknologi dan kemahiran hidup dan kerjaya (Ismail, 2014). Kemahiran pengajaran menurut Ariffin (2005) merupakan kebolehan seseorang individu itu untuk menguruskan segala aktiviti fizikal dan mental di dalam kelas.

Mahamod (2011) pula menyatakan bahawa pengetahuan terkini berkenaan teknik Pengajaran Abad Ke-21 sangat diperlukan oleh para guru dalam memastikan sistem pendidikan negara berada pada landasan yang betul bagi memacu negara menjadi negara maju. Hamid (2004) turut menyatakan bahawa, kemahiran memerlukan latihan, usaha dan kawalan yang berterusan. Ini adalah disebabkan, melalui disiplin-disiplin ini pengajaran akan menjadi lebih efektif.

2.2.2 Elemen-Elemen Dalam Kemahiran Abad Ke-21

Pelbagai elemen yang diserapkan dan perlu dikuasai di dalam kemahiran Abad Ke-21 ini seperti elemen kreatif dan inovatif, elemen pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, elemen komunikasi dan kolaborasi, elemen literasi maklumat, media dan teknologi maklumat dan komunikasi, elemen fleksibiliti, elemen berinisiatif, elemen kemahiran sosial, elemen produktiviti dan akauntabiliti dan juga elemen kepimpinan dan tanggungjawab (Muda, 2008).

2.2.3 Ciri-Ciri Guru Abad Ke-21

Menurut kajian Ibrahim (2005), pecahan kaum wanita dan lelaki menunjukkan pecahan yang tidak sekata di dalam bidang perguruan berbanding sektor lain. Ini kerana menurutnya, bidang perguruan menarik lebih banyak minat perempuan berbanding lelaki iaitu sebanyak 69%.

Badrul (2013) menyatakan, bagi memenuhi keperluan pengajaran Abad Ke-21, setiap guru tidak kira lelaki atau perempuan haruslah menguasai enam dimensi atau aspek utama iaitu:

- i. Dimensi pertama - Menguasai subjek dengan baik.
- ii. Dimensi kedua - Mahir dan berketrampilan dalam pedagogi.
- iii. Dimensi ketiga - Memahami perkembangan murid-murid dan menyayangi mereka.
- iv. Dimensi keempat - Memahami psikologi pembelajaran.
- v. Dimensi kelima - Memiliki kemahiran kaunseling.
- vi. Dimensi keenam - Mampu menggunakan teknologi terkini.

2.2.4 Ciri-Ciri Murid Abad Ke-21

Para pelajar juga diharapkan mampu menguasai pelbagai kemahiran seperti berupaya membuat hubung-kait, bijak menyoal, yakin berkomunikasi, berani mencuba dan mengambil risiko, yakin dalam berkomunikasi, sentiasa dahagakan ilmu baharu, mampu menjana idea, fleksibel, tidak mudah berputus asa, fleksibel dalam belajar dan berkolaborasi, berintegriti, sentiasa mendengar dan membuat refleksi, berkemahiran kritis dan berkeperibadian tinggi (Salleh, 2007).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menggariskan 6 ciri yang perlu dikuasai oleh pelajar untuk bersaing di peringkat global iaitu kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, identiti nasional, pengetahuan dan kemahiran berfikir. Kemahiran berfikir yang dimaksudkan ialah kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Kemahiran berfikir aras tinggi ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

2.3 Kesediaan

Mohd Hamzah & Attan (2007) menyatakan bahawa maksud kesediaan ialah perihal kepada kesanggupan dan kerelaan. Konteks kajian ini memperincikan kesediaan kepada kesanggupan dan kerelaan guru di SMK Dato' Sri Amar Diraja, Muar mengajar dengan mengaplikasikan Pengajaran Abad Ke-21 merangkumi aspek literasi, kemahiran dan sikap. Kesediaan mengajar adalah efikasi sendiri guru untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Sikap dan dedikasi guru terhadap tugas, kualiti pengajaran, kemahiran berkomunikasi dan pengukuhan guru semasa proses PdP merupakan kriteria yang diukur untuk menentukan tahap kesediaan.

2.3.1 Teori Kesediaan Thorndike

Kesediaan ditentukan dengan persiapan-persiapan yang diperlukan sebelum melakukan sesuatu perkara dan dalam konteks kajian ini ialah mengajar. Ini merujuk kepada teori yang dikemukakan oleh Edward Lee Thorndike bahawa, apabila seseorang itu bersedia untuk melakukan sesuatu tindakan, maka tindakan itu dapat memberi kepuasan kepadanya. Sekiranya dia tidak melakukannya, akan menghasilkan pembelajaran yang tidak sempurna. Brunner pula menyatakan kesediaan merujuk kepada perkara yang dapat disampaikan dengan berkesan kepada kanak-kanak pada bila-bila masa peringkat perkembangan (Salleh, 2012).

Menurut Abu & Ismail (2010) dan Nazarudin, Chua & Md Omar (2009), kesediaan dapat dilihat dari tiga aspek utama iaitu kesediaan kognitif (literasi), kesediaan psikomotor (kemahiran) dan kesediaan afektif (sikap). Beliau turut menyatakan bahawa, untuk mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, para guru mestilah memiliki ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap yang sesuai.

2.3.1.1 Kesediaan Kognitif (Literasi)

Kesediaan kognitif dalam kajian ini bermaksud kesediaan mental para guru untuk belajar hal-hal berkaitan dengan Pengajaran Abad Ke-21. Ini termasuklah kesediaan untuk berfikir, menaakul, menganalisis, membentuk konsep dan menyelesaikan masalah. Guru yang mempunyai kesediaan kognitif yang rendah hanya dapat melihat satu aspek sahaja dalam sesuatu idea. Mereka tidak dapat melihat idea dan pendapat orang lain dengan baik. Manakala guru yang mempunyai kesediaan kognitif yang tinggi dapat melihat beberapa aspek dalam sesuatu idea walaupun ianya berbentuk abstrak (Mohd Kosnin & Md Saleh, 2006).

Terdapat tiga ciri guru yang mempunyai tahap profesionalisme yang tinggi iaitu mereka memiliki ilmu pengetahuan dalam bidang mereka, mengamalkan kemahiran dan ketrampilan dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta menerapkan sahsiah yang boleh dijadikan contoh teladan yang baik. Guru mestilah berusaha mendalami pelbagai bidang ilmu untuk mengukuhkan tahap profesionalisme dan sahsiah guru (Hassan & Mohd Aris, 2009).

2.3.1.2 Kesediaan Psikomotor (Kemahiran)

Thorndike menyatakan, kesediaan psikomotor merujuk kepada seseorang yang mempunyai potensi atau kematangan fizikal dan bersedia untuk melakukan sesuatu tindakan dalam sesuatu tugas yang dipertanggungjawabkan dan aspek kesediaan psikomotor merujuk kepada tahap kesediaan kemahiran dan fizikal bagi seseorang guru (Salleh, 2012). Beliau juga menegaskan bahawa, para guru mestilah sentiasa mengikuti latihan-latihan semasa dalam perkhidmatan bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam mata pelajaran pengkhususan serta mengikuti inovasi dalam pedagogi.

Seseorang guru perlu memperbaiki setiap kelemahan dalam perkhidmatannya kerana para pelanggan sentiasa mahukan hanya yang terbaik untuk mereka. Setiap perubahan yang berlaku dari segi budaya pendidikan, misi pendidikan, teknologi dan

bahan bantu mengajar berkehendak para guru untuk peka dan bertindak ke arah perubahan supaya sentiasa kekal relevan (Hassan & Mohd Aris, 2009).

2.3.1.3 Kesiediaan Afektif (Sikap)

Terdapat tiga elemen yang menjadikan seorang guru itu sebagai ahli profesional. Pertama, pengetahuan yang digunakan untuk menyelesaikan masalah dan isu dengan baik. Kedua, hubungan dan komunikasi yang baik dengan orang di sekeliling dan ketiga sokongan daripada persekitaran (Mustafa & Othman, 2013). Mohamed (2005) pula menyatakan bahawa sikap merupakan kayu pengukur bagi sesuatu organisma yang mempelajari sesuatu sama ada positif atau negatif. Namun Asimin (2013) mendapati, sikap guru adalah berbeza mengikut jantina berkenaan pendedahan terhadap teknik dan peralatan baru dalam pengajaran dan pembelajaran di makmal.

Oleh itu, guru perlu sentiasa meningkatkan ilmu, berketrampilan, emosi yang terkawal dan bersedia untuk berkongsi pengalaman dengan semua orang bagi menyelesaikan masalah dalam pengajaran dan pembelajaran dan ini menyokong teori dari Thorndike yang merujuk kesiediaan afektif sebagai keinginan, semangat, perasaan dan minat seseorang untuk melaksanakan sesuatu aktiviti (Salleh, 2012).

2.3.2 Kesiediaan Guru

Kesiediaan yang dimaksudkan di sini ialah kesiediaan seseorang guru itu untuk menukar cara pengajaran konvensional kepada cara pengajaran yang baharu. Abdullah (2009) merumuskan, perubahan bersifat natural dan tidak boleh dikawal. Perubahan berlaku apabila wujud pengembangan ekonomi, iklim dan teknologi. Sekolah harus menerima perubahan dan membudayakan perubahan agar dapat bergerak seiring dengan arus perubahan peringkat global. Sharifah (2011) menyatakan bahawa, guru telah bersedia untuk melaksanakan pengajaran menggunakan ICT apabila kemudahan fizikal dan kesesuaian bahan ICT adalah memuaskan. Seterusnya, menurut Carrington, Tymms & Merrell (2008) yang

menyatakan bahawa, jantina guru tidak mempunyai kesan ke atas pencapaian pelajar berdasarkan pengetahuan dan kemahiran yang diajar. Alghazo (2005) juga menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan di kalangan bakal guru terhadap penyampaian dan penilaian pengajaran berdasarkan jantina.

Mohd Azhar, et. Al. (2004) menyatakan bahawa, pengetahuan berasal dari pengalaman yang lampau dan pengetahuan yang baharu yang diketahui melalui pembacaan akan digunakan untuk mencapai matlamat yang belum terlaksana tidak berdasarkan perbezaan jantina. Ibrahim (2005) juga menyatakan perbezaan jantina tidak menjadikan seseorang bakal guru itu mempunyai kemahiran yang tinggi. Sepikun & Kamarolzaman (2011) juga menyatakan tidak terdapat perbezaan berdasarkan jantina guru dalam keperluan merancang penglibatan murid dalam aktiviti pembelajaran. Seterusnya Anyi (2007), turut menyatakan melalui kajiannya yang mendapati tiada perbezaan berdasarkan jantina dari aspek kemahiran menyelenggara peralatan bengkel atau makmal dalam memastikan peralatan itu bertahan lama. Mohamad Salleh (2007) merumuskan, terdapat 10 ciri-ciri guru yang efektif dan ciri-ciri ini bertepatan dengan ciri-ciri yang digariskan di dalam PPPM (2013). Ciri-ciri tersebut ialah:

2.3.2.1 Menentukan Objektif Pengajaran Dan Pembelajaran

Ciri utama guru berkesan atau guru efektif ialah menentukan objektif pengajaran dan pembelajaran dengan jelas dan saksama berasaskan tahap pencapaian murid. Objektif perlu dimaklumkan dan diketahui oleh murid-murid sebelum pembelajaran bermula. Penetapan sedemikian membolehkan mereka menyedia dan mengubahsuai *mind-set* yang tepat terhadap pengetahuan, kemahiran dan perlakuan yang perlu dicapai apabila pembelajaran tamat. Guru boleh mengukur dan menilai tahap pencapaian murid berdasarkan hasil pembelajaran atau *learning outcome* (Mohamad Said & Alias, 2013).

Kelainan perolehan dan pencapaian di dalam suatu pembelajaran adalah perkara biasa. Walau bagaimanapun, jika terdapat perbezaan yang terlalu besar

dalam min pencapaian, guru perlu menyemak semula tentang kelemahan atau kesilapan dalam pengajarannya, untuk usaha penambahbaikan. Pendekatan ini akan memudahkan guru membuat tindakan susulan agar objektif pengajaran dan pembelajaran dicapai pada tahap maksimum. Penentuan objektif amat mustahak dalam pengajaran dan pembelajaran, ibarat kapal belayar perlu menentukan hala tuju agar sampai ke destinasi mengikut jadual. Seseorang guru tidak akan mencapai tahap efektif sekiranya tidak menentukan objektif pengajaran dan pembelajaran, umpama perjalanan tanpa tujuan akan mundur mandir, terhuyung-hayang dan ke hulu ke hilir, hingga akhirnya kecundang sendirian (Mohd Hamzah & Attan, 2007).

2.3.2.2 Menyediakan Rancangan Mengajar

Guru mesti membuat perancangan pelajaran sebelum memulakan pengajaran dan pembelajaran, termasuklah guru berpengalaman, guru cemerlang dan guru pakar. Persediaan mengajar oleh guru akan melibatkan masa yang berbeza mengikut pencapaian murid, kelas, bahan, dan kearifan individu guru. Objektif dan isi pelajaran disusun mengikut keutamaan atau kefahaman murid, seperti bermula daripada aspek yang mudah kepada yang lebih sukar, aspek yang berada dalam pengetahuan atau pengalaman murid kepada perkara yang belum berada dalam pengetahuan dan pengalaman mereka. Setiap perkembangan pelajaran diikuti pula oleh aktiviti murid secara terancang dan sebahagiannya spontan (Nazarudin, Chua & Md Omar, 2009). Dapatan kajian daripada pengkaji ini turut menunjukkan setiap guru tanpa mengira bidang mata pelajaran mempunyai pengetahuan dalam melakukan persediaan pengajaran.

Pendekatan berasaskan *spiral curriculum* membolehkan murid mengembangkan ilmu sedia ada dan memantapkan pengalaman tersedia. Mereka akan mengikuti pengajaran peringkat demi peringkat, langkah demi langkah, fakta demi fakta, yang keseluruhannya secara sistematik dan efektif. Guru menerajui haluan perkembangan pengajaran dengan murid-murid mengayuh bersama menuju ke destinasi yang diketahui bersama. Usaha dan kebersamaan sedemikian boleh

mempercepatkan perolehan kandungan pembelajaran dan seterusnya peningkatan pencapaian. Penerangan disampaikan secara susunan tanpa memasukkan terlampau banyak isi pelajaran dalam sesuatu masa (Salleh, 2012).

2.3.2.3 Pengetahuan, Kemahiran Dan Kecekapan Bidang

Seseorang guru efektif semestinya mempunyai kecekapan yang mendalam dalam bidang atau subjek yang diajar. Guru perlu mempunyai pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang komprehensif terhadap bidangnya. Guru seharusnya sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam subjek diajar agar sentiasa kemas kini, menarik, bertenaga dan memberi inspirasi. Ada kalanya murid bertanya perkara melebihi sukatan pelajaran atau kurikulum yang tertera dalam buku teks. Sekiranya guru berkebolehan menjawab dengan tepat bersama fakta dan bukti kukuh, pasti akan menimbulkan minat, keyakinan dan kecenderungan murid untuk mengikuti lanjutan pembelajaran tersebut. Lebih menarik dan efektif sekiranya guru dapat menghidupkan ilmu berkenaan dan mengaitkan dalam kehidupan murid. Murid akan melihat dan menilai ilmu yang dipelajari adalah berguna untuk dirinya pada masa ini dan akan datang (Mustafa & Othman, 2013). Pengkaji ini turut mendapati bahawa, tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara bidang mata pelajaran yang diajar dan sikap terhadap meningkatkan kemahiran mengajar.

Demikian sebaliknya, jika guru gagal untuk menjawab pertanyaan murid atau sentiasa menangguk jawapan, menyebabkan murid kurang berkeyakinan kepada guru tersebut dan hilang minat. Lebih-lebih lagi jika guru sentiasa menghalang murid-murid daripada bertanya perkara yang di luar kurikulum, sedangkan berminat untuk mengetahui, berkemungkinan mereka kehilangan kecenderungan untuk bertanya dan hilang minat untuk mempelajari subjek yang diajar oleh guru berkenaan. Jika halangan dan gangguan terhadap perkembangan murid-murid berlanjutan, situasi ini akan mengakibatkan perencatan dan pembunuhan minat mereka untuk belajar (Teng, 2006).

Menurut Yeo & Abdul Halim (2010), pengetahuan dan kemahiran saling berkait antara satu sama lain terutamanya berkaitan pedagogi. Pedagogi sebelum dan selepas menggunakan Pengajaran Abad Ke-21 adalah sangat berbeza.

2.3.2.4 Kepelbagaian Kaedah Mengajar

Pembelajaran akan berjalan dengan lancar, menarik dan berkesan sekiranya guru menggunakan pelbagai kaedah yang bersesuaian dengan isi pelajaran dan kemahiran yang akan dicapai oleh murid. Guru perlu *employ a wide variety of methods* untuk menyampaikan kandungan pelajaran berbentuk teori dan amali. Guru perlu sentiasa mengubahsuai strategi mengikut jangkaan keberkesanan penggunaan sesuatu kaedah. Guru yang berhasrat untuk menjadikan pengajarannya efektif, seharusnya membuat kajian atau penyelidikan mengenai kaedah yang paling sesuai untuk sesuatu isi pelajaran, topik atau kemahiran. Kajian saintifik perlu dibuat untuk menilai kekuatan dan kelemahan kaedah yang digunakan (Vebrianto & Osman, 2012).

Guru perlu berkemahiran dalam membuat kajian tindakan atau pemerhatian saintifik. Kajian menunjukkan bahawa kaedah yang digunakan amat berperanan penting sebagai sumber kefahaman, minat dan komitmen murid dalam pengajaran dan pembelajaran. Murid lebih tertarik kepada kaedah yang kemas kini dan menggunakan peralatan elektronik seperti komputer, internet, *power point*, dan video. Walau bagaimanapun, guru yang bijak menggunakan gaya tingkahlaku dan intonasi suara, bercerita, memek muka dan humor, akan tetap menarik minat pembelajaran dan murid mengikuti pengajaran secara efektif (Ikhsan & Daniel, 2012).

2.3.2.5 Keceriaan, Interaksi Dan Penglibatan Murid

Guru efektif sentiasa berfikir dan merancang aktiviti penglibatan murid-murid dalam pengajaran. Kemahiran berkomunikasi dan interaksi berpendidikan pelbagai hala guru-murid, murid-murid, dan murid-guru menjadi teras keberkesanan pengajaran

dan pembelajaran. Murid akan merasa pendapat dan kehadirannya diperlukan serta dihargai. Murid-murid perlu mengenali di antara satu sama lain, saling berinteraksi dan menggunakan panggilan baik-baik serta digemari (Sharifah, 2011).

Semasa menyampaikan pengajaran guru seharusnya mempunyai pemikiran positif dan bersangka-suka terhadap murid agar ilmu yang disampaikan diterima dengan hati terbuka, ikhlas, telus, tulus, berminda ceria dan humor. Memandang terus dan telus terhadap individu murid dan melihatnya dengan penuh empati serta mengamalkan *intrinsic and extrinsic rewards more often than penalties*. Situasi sedemikian akan dapat menimbulkan interaksi positif dan konstruktif yang menghasilkan keberkatan ilmu yang disampaikan demi manfaat jangka pendek dan jangka panjang murid dan guru. Masyarakat dan negara akan memperoleh manfaat seterusnya (Ahmad, 2006).

2.3.2.6 Motivasi, Minat Dan Mencungkil Sikap Ingin Tahu

Murid-murid boleh digalakkan untuk mengemukakan soalan, pendapat dan menunjuk cara perlakuan. Penglibatan murid-murid secara aktif akan menimbulkan minat yang tinggi dan berazam untuk terus berada dalam pembelajaran. Guru perlu mencari faktor-faktor yang boleh menimbulkan minat dalam pengajaran. Ada kalanya faktor ini berbeza-beza di antara satu kumpulan atau kelas murid. Apabila guru berjaya mencetuskan minat murid-murid, mereka bukan saja akan terlibat secara aktif, bahkan sentiasa tertunggu-tunggu kedatangan guru berkenaan. Ramai penyelidik psikologi mendapati bahawa minat atau kecenderungan merupakan faktor utama penglibatan serius murid dalam sesuatu pembelajaran. Diandaikan semut yang naik ke puncak Gunung Kinabalu kerana minat dan dorongan terdapatnya gula atau manisan di Puncak Low (Hii, 2006).

Menurut Talib (2010), seseorang pembimbing (guru) perlu memahami falsafah, prinsip, etika dan proses kaunseling. Secara amnya, pembimbing mesti menghormati kliennya (pelajar). Kemudian, sedia menerima tanpa syarat dan juga

sedia mendengar. Pembimbing juga perlu memberi sokongan berterusan dan tahu had pada diri sendiri.

2.3.2.7 Kejelasan Penyampaian Dan Penghuraian Isi Pelajaran

Ramai penonton terpesona dengan persembahan dan jalan cerita yang menarik serta mudah difahami. Mereka sanggup menunggu beberapa jam sehingga cerita tamat walaupun bahasa yang dituturkan tidak difahami sepenuhnya. Justeru, penyampaian guru yang jelas dan mudah difahami oleh murid akan menjadikan mereka lebih berminat dan mengikuti pembelajaran sehingga tamat. Kepelbagaian dalam gaya penyampaian dan bahasa yang mudah difahami serta formula yang tahu aplikasi akan menjadikan pembelajaran murid bertambah komited dan efektif (Wan Abdullah, 2013).

Guru seharusnya mengetahui taraf kebolehan bahasa murid, pencapaian pengetahuan, dan kefahaman aplikasi sesuatu teori atau formula. Guru perlu mengelakkan daripada menggunakan bahasa dan penerangan yang berliku-liku, berbelit-belit, perkataan sukar, dan bombastik. Ini bererti penyampaian berbeza di antara murid sekolah rendah dengan sekolah menengah, murid pintar dengan sederhana, dan murid normal dengan pendidikan khas. Kepelbagaian gaya bahasa dan penerangan yang jelas akan memudahkan murid menerima dan memahami isi pelajaran yang disampaikan oleh guru seterusnya dapat meningkatkan prestasi pembelajaran (Aziz, 2013).

Guru seharusnya berkebolehan dalam menerangkan secara jelas mengenai sesuatu konsep abstrak dan konkrit. Perkara abstrak boleh dikaitkan dengan pengetahuan dan pengalaman murid atau sesuatu yang mempunyai persamaan dengan membuat andaian. Guru boleh juga melakarkan dalam bentuk tulisan, gambar rajah atau carta. Penerangan konsep konkrit perlu diikuti oleh perbuatan atau tindakan murid demi mengukuhkan konsep yang konkrit dengan objek sebenar (Mohd Hamzah & Attan, 2007).

2.3.2.8 Ujian Dan Penilaian

Guru seharusnya berkemahiran mengemukakan pelbagai jenis soalan dengan tujuan tertentu berasaskan konsep penyoalan. Di antara tujuan penyoalan ialah mendapatkan maklumat, menguji kefahaman, menimbulkan kepekaan, menarik perhatian, membayangkan jawapan, dan mengukuhkan pemahaman. Soalan-soalan berbentuk provokatif atau *thought-provoking* boleh mendatangkan rangsangan dan motivasi untuk pelajar berfikir secara konstruktif dan inovatif. Soalan dibina dalam bentuk ayat mudah, berstruktur atau terbuka (Ambotang, 2013).

2.3.2.9 Tindakan Susulan Melalui Pengayaan Dan Pemulihan

Tindakan susulan merupakan langkah terpenting dalam menilai keberkesanan sebenar pembelajaran murid. Ini dilakukan pada penghujung pengajaran atau selepas membuat penilaian atau ujian formatif atau sumatif. Soalan yang dikemukakan perlu dibincangkan semula jawapan sebenar dan rasional setiap jawapan. Langkah ini diikuti pula oleh pemantauan prestasi, di antaranya dengan cara murid-murid yang mendapat pencapaian tinggi dikelompokkan dalam satu kumpulan untuk proses pengayaan pembelajaran manakala murid-murid lemah dikelompokkan dalam satu kumpulan untuk pemulihan dengan guru memberi perhatian dan tumpuan yang lebih banyak. Guru perlu tahu cara untuk mencapai objektif individu dan kumpulan terutama di dalam bilik darjah yang diajar (Mohamad Said & Alias, 2013).

Mohd Hamzah & Attan (2007) turut mendapati, guru-guru berminat untuk melayari dunia Internet untuk mendapatkan maklumat terkini berkenaan bidang mereka dan juga menggunakan perkakas-perkakas terkini bagi menjadikan pengajaran mereka lebih berkesan di samping memberi lebih banyak peluang kepada pelajar-pelajar menunjukkan kemahiran mereka.

RUJUKAN

- Abdullah, J. (2009). Sikap Terhadap Perubahan Dalam Kalangan Pengetua Sekolah Menengah Negeri Pahang. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 26(1)(2009), 30-42.
- Abtholuddin, F. (2013). *Hubungan Antara Efikasi Kendiri dan Kemahiran Belajar dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Abu, B., Md Johan, O., Syed Mansor, S. M. S. & Jaafar, H. (2007). Kepelbagaian Gaya Pembelajaran dan Kemahiran Belajar Pelajar Universiti di Fakulti Pendidikan UTM Johor. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 45(4)(2007). 11-21.
- Abu, H. (2013). Kolaborasi IPTA dan industri dalam penerapan kemahiran insaniah. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(3)(2013). 21-31.
- Abu, B. & Ismail, H. (2010). *Tahap Kesediaan Guru Pelatih Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan Kemahiran Hidup Mengajar Subjek Kemahiran Hidup di Sekolah Menengah*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Alghaza, E. M. (2005). Special Education Teacher Perception Towards Effective Instructional Practices In The United Arab Emirates (UAE). *Teacher Education And Special Education*, 28(4),221-229. Dicapai dari <http://tes.sagepub.com/content/28/3-4/221.short> pada September 20, 2015.
- Ambotang, A. S. (2013). *Cabaran Transformasi Agenda Pendidikan Negara*. Dicapai dari http://ww1.utusan.com.my/utusan/Pendidikan/20140210/pe_01/Pentadbir-penentukeberhasilan-murid pada Jun 15, 2015.
- Ahmad, A. (2013). *Faktor Gejala Ponteng Sekolah*. Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tesis Sarjana

- Ahmad, Z. (2006). *Kaedah Mengajar Sains*. Kuala Lumpur:PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Amin, A. (2013). *Kesediaan Guru Mengamalkan Pembelajaran Berasaskan Masalah*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Amin, M. (2012). *Hubungan Antara Pencapaian Pelajar dan Motivasi Guru*. Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Anyi, G. (2007). *Kesediaan Guru Novis Terhadap Pengajaran Keahiran "Hands On" di Sekolah Menengah Teknik*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Tesis Sarjana.
- Ariffin, N. (2005). *Persepsi Pelajar Terhadap Sikap, Pengetahuan dan Kemahiran Dalam Mata Pelajaran Vokasional (MPV) di Sekolah Menengah Akademik Di Batu Pahat, Johor*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Tesis Sarjana.
- Asimin, A. (2013). *Mengkaji Tahap Kemahiran Guru Dalam Mengendalikan Dan Menggunakan Alat Pengukur Dalam Makmal Sains*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana.
- Aziz, S. M. (2013). *Kesediaan Guru Sekolah Menengah Agama Terhadap Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Universiti Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana.
- Badrul, A. (2013). *Kesediaan Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Abad Ke-21 Di Sekolah*. Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tesis Sarjana.
- Bahagian Pengurusan Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Kemahiran Abad Ke-21*. Dicapai dari <http://bibliografi.moe.edu.my/SumberPendidikan/index.php/faqs/210-kemahiran-abad-ke-21.html> pada Julai 13, 2015.
- Bandura, A. (1977). Self-efficacy: Toward a Unifying Theory of Behavioral Change. *Psychological Review* 84(2). 191-215.
- Carrington, B., Tymms, P. & Merrell, C. (2008). Role Models, School Improvement and the 'gender gap' – do men bring out the best in boys and women the best in girls?. *British Educational Research Journal*, 34(3), ms. 315-327.

- Chua, Y. P. (2013). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Asas Statistik Penyelidikan Analisis Data Skala Likert, (Edisi Kedua), Buku 3*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Dollah, A. A., (2012). *Kesediaan Terhadap Perlaksanaan Sistem Pembelajaran Modular dalam Kalangan Pensyarah Program Elektrik Kuasa di IKM*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Ibrahim, Y. M. & Amin, A. (2014). Model Kepemimpinan Pengajaran Pengetua Dan Kopetensi Pengajaran Guru. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(1).
- Hamid, A. (2004). Amalan Keselamatan Bengkel Kemahiran Hidup oleh Pelajar Tingkatan 3 di Sekolah Menengah Harian. Dicapai dari [http:// images.mizi87g .multiplycontent.com/attachment/0TMWklwoocIIAG4BVSYYII/JURNAL % 20TESIS% 20ILMIAH.pdf](http://images.mizi87g.multiplycontent.com/attachment/0TMWklwoocIIAG4BVSYYII/JURNAL%20TESIS%20ILMIAH.pdf) pada Ogos 20, 2015.
- Hassan, J. & Mohd Aris, A. (2009). *Tahap Penguasaan Kemahiran Pedagogi di Kalangan Pelajar Tahun Akhir di Fakulti Pendidikan UTM, Skudai Johor*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Hatta, S. (2013). *Faktor-Faktor yang Mendorong Pelajar Felda Ponteng Sekolah: Satu Kajian di Sekolah Menengah Air Tawar, Kota Tinggi, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana
- Hii, T. S. (2006). *Gaya Pembelajaran Sains Tahun 5 Fakulti Pendidikan UTM*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Ibrahim, R. (2005). *Kesediaan Pelajar Wanita PTV Menjadi Pensyarah Teknikal di Politeknik*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Tesis Sarjana.
- Idris, N. (2013). *Penyelidikan Dalam Pendidikan (Edisi Kedua)*. Selangor: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Ikhsan, Z & Daniel, E. G. S. (2012). *Corak Aliran Penyoalan Lisan Guru dalam Proses Pengajaran bagi Tajuk Elektrokimia*. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 37(1)(2012), 57-67.
- Ismail, N., Hussin, Z. & Khalid, M. K. A. (2005). Tahap Literasi Komputer Pelajar Sekolah Menengah di Kedah. *Jurnal Pendidikan* 30(2005). 129-139.

- Ismail, R. (2014). *Pelan Transformasi*. Dicapai dari <http://www.assafii.com/v2/index.php/en/pelan-tranformasi-daerah-dtp/sisc/215-kemahiran-dalam-pdp-abad-ke-21> pada Jun 20, 2015.
- Jalil, A. (2012). *Sikap Pentadbir Terhadap Penggunaan Komputer Dalam Pengurusan Pentadbiran Sekolah-Sekolah Menengah di Bandaraya Kuching*. Universiti Malaysia Sarawak
- Kamaruddin, N. A. (2007). *Kesediaan Pensyarah dari Segi Sikap, Kemahiran dan Pengetahuan Terhadap Perlaksanaan Penerapan Kemahiran Insaniah di UTHM*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Kamus Dewan. (2007). Ed. Ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Pelajar. (2008). Ed. Ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Dicapai dari <http://www.moe.gov.my/userfiles/file/BUKU%20DASAR.pdf> pada April 12, 2015.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Dasar Penggunaan Media Dan Teknologi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran*. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 6/2003.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Dicapai dari <http://www.moe.gov.my/userfiles/file/PPP/Preliminary-Blueprint-ExecSummary-BM.pdf> pada April 21, 2015.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Pelan Strategik Interim KPM 2011-2020*. Dicapai dari <http://www.moe.gov.my/pdf/Pelan%20Strategik%20Interim%20KPM%202011-2020.pdf> pada April 21, 2015.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Ringkasan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Dicapai dari <http://pelanpembangunanpendidikanmalaysia2013-2025ringkasan-130909000252.pdf> pada April 21, 2015.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Dicapai dari <http://www.moe.gov.my>

- /userfiles /file/PPP/Preliminary-Blueprint-xecSummary-BM.pdf pada April 21, 2015.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Laporan Pertama Pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Dicapai dari <http://www.moe.gov.my/v/pemberitahuan-view?id=4261> pada April 21, 2015.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Laporan Pertama Pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Dicapai dari <http://www.moe.gov.my/v/pemberitahuan-view?id=4261> pada April 21, 2015.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2011). *Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara*. Dicapai dari <http://www.mohe.gov.my/v/%201/CAP%20%20Pembelajaran%20Sepanjang%20Hayat> pada April 21, 2015.
- Khairy, J. (2014). *Faktor-Faktor Mempengaruhi Tahap Disiplin Pelajar*. Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tesis Sarjana
- Konting, M. M. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan (Edisi Ketujuh)*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). *Determining Sample Size For Research Activities*. Educational and Psychological Measurement. Dicapai dari <http://www.researchgate.net/file.PostFileLoader.html?id=55c567e76307d930f58b45c1&assetKey=AS%3A273827613872131%401442296998840> pada Jun 12, 2015.
- Mohamad Said, M. M. & Alias, J. (2013). Kreativiti Pengajaran Guru Sekolah Rendah di Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia* 27(2013). 71-97.
- Mohamed, A. (2014). *Pentadbir Penentu Keberhasilan Murid*. Dicapai dari http://ww1.utusan.com.my/utusan/Pendidikan/20140210/pe_01/Pentadbir-penentu-keberhasilan-murid pada April 26, 2015
- Mohamed, M. N. (2005). Pengantar Psikologi Satu Pengenalan Asas. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana.
- Mahamod, Z. (2011). Memperkasa Guru, Mempercepat Pelajar: Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Abad Ke-21. Seminar Bahasa Melayu

2011. Dicapai dari http://www.mlcs.sg/home/images/MLCS_Gallery/seminar2011/ucaptama%20dr%20zamri%20finalmain%20speaker.pdf pada April 21, 2015
- Mahamod, Z. & Mohamad Noor, N. A. (2011). Persepsi Guru Tentang Penggunaan Aplikasi Multimedia dalam Pengajaran Komponen Sastra Bahasa Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies* 11(3)(2011). 163-177.
- Mohd Azhar, et.al. (2004). *Andralogi: Mengajar Orang Dewasa*. Pahang: PTS Publication & Distribution Sdn Bhd.
- Mohd Hamzah, M. I. & Attan, N. (2007). Tahap Kesiapan Guru Sains dalam Penggunaan Teknologi Maklumat Berasaskan Komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Jurnal Teknologi*, 46(E), 45-60.
- Mohd Kosnin, A. & Md Saleh, Z. (2006). *Tahap Kesiapan Guru-Guru PKPG Kemahiran Hidup (KH) UTM Mengajar Kejuruteraan di dalam Bahasa Inggeris*. Universiti Teknologi Malaysia..
- Mohd Nordin, N. & Ngau, C. H. (2009). Pembangunan dan Penilaian Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Web-Webquest bagi mata pelajaran ICT. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(1)(2009). 111-129.
- Muda, M. (2008). Cabaran dan Harapan dalam Pendidikan Menghadapi Alam Baru. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 42(2)(2008), 15-24.
- Mustafa, M. N. & Othman, N. (2013). Latihan dalam Perkhidmatan bagi Meningkatkan Kualiti Pendidikan Guru di Pekanbaru Riau, Indonesia. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 36(2)(2011), 19-24.
- Nazarudin, M. N., Chua S. S. & Md Omar, H. (2009). *Tahap Kesiapan Guru Menggunakan Teknologi Maklumat Berasaskan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah Sekolah Menengah di Kota Kinabalu, Sabah*. Universiti Malaysia Sabah.
- Puteh, S. N. & Abd Salam, K. A. (2011). Tahap Kesiapan Penggunaan ICT dalam Pengajaran dan Kesannya Terhadap Hasil Kerja dan Tingkah Laku Murid Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 36(1)(2011), 25-34.

- Sahrom, A. (2014). Tahap Numerasi dan Literasi Pelajar Sekolah Rendah di Perak. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 23(3)(2014), 20-32.
- Salleh, M. J. (2007). *Guru Efektif dan Peranan Guru dalam Mencapai Objektif Persekolahan Sekolah Rendah: Perspektif Guru Besar*. Seminar Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan Batu Lintang Tahun 2007.
- Salleh, R. (2012). *Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi: Kesiediaan Guru Mengendalikan Proses Pengajaran dan Pembelajaran*. Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tesis Sarjana.
- Sepikun, M. & Kamarolzaman, N. (2011). Keberkesanan Pemantauan Proses Pengajaran dan Pembelajaran Di Politeknik Port Dickson. Dicapai dari: <http://www.polipd.edu.my/v3/sites/default/files/20111007masnorazakiah.pdf> dicapai pada September 21, 2015
- Sharudin, S. A. (2008). Faktor Yang Mempengaruhi Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran di Bengkel Vokasional di Dua Buah Sekolah Menengah Teknik di Negeri Sembilan. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana.
- Talib, M. A. (2010). Kemahiran Asas Kaunseling. Dicapai dari http://www.vodppl.upm.edu.my/uploads/docs/fem3107_1299483089.pdf pada September 21, 2015
- Talib, O. (2013). *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Teng, L. K. (2006). *Pengaruh Faktor Terpilih Terhadap Efikasi-Kendiri Guru Sekolah Menengah di Negeri Sarawak*. Universiti Putra Malaysia: Tesis Doktor Falsafah.
- Vebrianto, R. & Osman, K. (2012). Keberkesanan Penggunaan Pelbagai Media Pengajaran dalam Meningkatkan Kemahiran Proses Sains dalam Kalangan Pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 37(1)(2012). 1-11.
- Wan Abdullah, W. N. (2013). Penggunaan ICT dalam Pengajaran Bahasa Arab. *Jurnal Linguistik* 17(2)(2013). 120-127.

- Wan Mohamed, W. H. S. & Yunus, J. (2012). *Aplikasi Teori Albert Bandura dalam Memantapkan Optimis Akademik Pelajar Menengah*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Yeo, K. J. & Abdul Halim, S. S. (2010). *Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana.